

July 2017



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

74

th
ISSUE

info *kampus*

UiTM SARAWAK BULLETIN



Wakaf Ilmu:
Enhancing the education of today's
youths for a better tomorrow

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

EDITORIAL BOARD



Professor Dato Dr. Jamil Hamali
ADVISOR



Associate Professor Dr. Firdaus Abdullah
MANAGING EDITOR



Roselind Wee
CHIEF EDITOR
(ENGLISH)



Lilly Metom
DEPUTY CHIEF EDITOR
(BAHASA MALAYSIA)



Aiza Johari
EDITOR
(BAHASA MALAYSIA)



Azlina Ghazali
EDITOR
(BAHASA MALAYSIA)



Jacqueline Susan Anak Rijeng
EDITOR
(BAHASA MALAYSIA & ENGLISH)



Mohamad Bin Abang
WRITER (BM)



Ardiana Mazwa Raudah
Bt. Amir Abdullah
WRITER (BM)



Ch'ng Looi Chin
WRITER (ENGLISH)



Jacinta Yeo Jiin Yih
WRITER (ENGLISH)



Adib Sarkawi
WEB MASTER



Abdul Khalid Karim
PHOTOGRAPHER

ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE-86

Oleh: Mohammad Abang

Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-86, UiTM Cawangan Sarawak menyaksikan seramai 1,545 graduan bergraduasi, dengan 541 orang menerima ijazah sarjana muda dan 1,004 graduan pula menerima diploma. Istiadat konvokesyen kali ini yang berlangsung selama lima sidang disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato Sri Haji Safri Awang Zaidell, Pro-Canselor UiTM.

Dalam ucapannya, beliau menyeru kepada semua graduan supaya mempunyai keberanian dan inisiatif untuk melakukan inovasi dan kreativiti dalam menghadapi persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar. Menurutnya, model baru ekonomi dan tranformasi ekonomi kini memerlukan graduan yang mempunyai kemahiran ilmu dalam pelbagai bidang, dan kreatif supaya anda tidak "tepu" dan boleh melangkah keluar dari zon selesa.

"Sekiranya para graduan dapat menguasai model baru ekonomi ini, saya yakin anda tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan. Ataupun kalau lebih baik, mampu mencipta peluang pekerjaan untuk orang lain.

"Anda tidak seharusnya hanya bergantung kepada kerajaan sahaja untuk mendapatkan pekerjaan. Sebaliknya anda boleh mencipta peluang pekerjaan dengan menjalankan perniagaan, menceburi aktiviti pertanian, penternakan dan sebagainya," katanya.


Beliau juga mahu agar semua graduan mempraktikkan segala ilmu dan kemahiran yang dipelajari, bagi memulakan perniagaan atau melakukan apa sahaja pekerjaan, tanpa perlu berharap bekerja makan gaji sahaja. Katanya, senario sebeginilah yang perlu diberi perhatian oleh para graduan supaya masalah lambakan graduan yang tidak bekerja dapat diatasi.

"Jadilah seorang graduan yang berfikir kreatif, lagi kritis, dalam mendepani cabaran ekonomi semasa. Anda harus sedar bahawa realiti ekonomi dan pasaran buruh semasa, perlu ditekuni, supaya anda lebih memahami bahawa tidak semestinya jenis dan sifat profesion yang diinginkan, boleh terus dicapai sekelop mata.

Oleh yang demikian, ujarinya para graduan seharusnya bersedia untuk membuat keputusan dengan pilihan-pilihan yang terbatas dalam menentukan kerjaya mereka.

Hadir sama sepanjang istiadat konvokesyen UiTM Ke-86 UiTM Cawangan Sarawak adalah Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali, Rektor UiTM Sarawak, Timbalan-Timbalan Rektor, Penolong-Penolong Rektor serta para ibu bapa dan tetamu jemputan.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications and International Relations Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my